

Bayi menggigil

Harian metro 22/05/2010 M/S 9

Ditinggal kesejukan dalam hujan lebat dekat tempat buang sampah

>>Oleh Raja Norain Hidayah

Raja Abdul Aziz

am@hmetro.com.my

IPOH: Menyedihkan apabila seorang bayi yang baru dilahirkan ditemui dalam keadaan menggigil kesejukan ketika hujan lebat selepas ditinggalkan dekat kawasan pembuangan sampah di Jalan Medan Ipoh, di sini, petang kelmarin.

Bayi perempuan seberat 2.8 kilogram cukup sifat itu dipercayai baru dilahirkan ber-

dasarkan keadaannya masih bertali pusat ditinggalkan dalam semak di belakang sebuah pasar raya besar, di sini.

Ketua Polis Ipoh, Asisten Komisioner Azisman Alias berkata, bayi itu ditemui orang awam yang melalui kawasan berkenaan kira-kira jam 5.30 petang.

"Bayi ini dipercayai baru dilahirkan dan ketika dijumpai berada dalam keadaan pucat dan menggigil kesejukan kerana ditinggalkan dalam hujan lebat.

"Bayi ini juga ditemui dalam keadaan lemah akibat ditinggalkan dalam tempoh yang agak lama sehingga tidak mampu menangis," katanya.

Katanya, bayi malang itu dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) dan untuk rawatan sebelum tindakan lanjut diambil.


Bayi itu dilihat mengalami luka dan calar di muka dan kepalanya mungkin akibat dihurung semut.

Sementara itu, Timbalan Pengarah HRPB, Dr Rahimi

Goon berkata, bayi itu dihantar ke hospital berkenaan kira-kira jam 8 malam.

"Pemeriksaan mendapati bayi itu sihat dan tidak mengalami sebarang komplikasi kesihatan dan kini ditempatkan di wad," katanya selepas melawat bayi berkenaan bersama Pengerusi Lembaga Pelawat HRPB, Datuk Omar Ahmad.

Katanya, bayi itu ditempatkan sementara di hospital sebelum diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.



KASIH...Omar mencium bayi yang ditemui dibuang dalam semak semalam.